

# SIARAN MEDIA

## Untuk Siaran Segera

**Komunikasi Korporat Kumpulan**  
Tingkat 31, Menara Bank Islam  
No. 22 Jalan Perak  
50450 Kuala Lumpur  
Telefon 03 2088 8000  
Faks 03 2781 2998  
[www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)

## **BANK ISLAM SEDIA KEMUDAHAN BAYAR ZAKAT AKAUN SIMPANAN DAN PELABURAN**

*Bank Islam memperkasa agenda kewangan sosial*

**KUALA LUMPUR, Khamis, [2 Mei 2019]:** Bank Islam Malaysia Berhad (“Bank Islam”) hari ini telah melaksanakan beberapa inisiatif murni untuk memperkasakan lagi agenda strategik kewangan sosialnya (*social finance*). Pertama, Bank telah melancarkan satu kemudahan tambahan baharu iaitu pembayaran **Zakat Akaun Simpanan dan Pelaburan**. Ini bertujuan untuk membantu pelanggan Bank membayar zakat ke atas akaun simpanan dan pelaburan mereka kepada Agensi Mengurus Zakat (“AMZ”). Antara AMZ yang menyertai kemudahan ini adalah Pusat Pungutan Zakat – Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (“PPZ-MAIWP”), Lembaga Zakat Selangor (“LZS”) dan Lembaga Zakat Negeri Kedah (“LZNK”).

Majlis pelancaran ini disempurnakan oleh Encik Mohd Muazzam Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam bersama-sama dengan Tuan Haji Ahmad Shukri Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif, PPZ-MAIWP, Encik Mohd Sabirin Mohd Sarbini, Ketua Divisyen Kutipan, LZS dan Encik Riduan bin Ahmad, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Operasi Agihan dan Pembangunan Asnaf, LZNK di Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.

Di bawah kemudahan ini, Bank Islam mengguna pakai konsep Syariah iaitu kontrak ‘*Wakalah*’ di mana pelanggan sebagai *muwakkil* atau prinsipal memberi kuasa kepada Bank Islam sebagai *wakil* atau ejen untuk melakukan pembayaran kepada AMZ berkenaan. Antara akaun Bank Islam yang diambil kira bagi kemudahan baharu ini ialah Akaun Simpanan dan Semasa (Qard dan Asas Qard), Akaun Pelaburan (Al-Awfar, Wafiyah dan iGain) dan Akaun Deposit Bertempoh-i (Tawarruq).

Para pelanggan boleh memilih untuk mewakilkan Bank Islam bagi menguruskan pembayaran zakat ke atas akaun simpanan dan pelaburan mereka dengan mengisi borang yang disediakan di semua cawangan Bank Islam. Sekiranya pelanggan memiliki lebih daripada satu akaun, kesemua jumlah wang di dalam akaun-akaun tersebut akan

diambil kira dan digabungkan untuk pembayaran zakat Simpanan dan Pelaburan bagi tahun taksiran semasa. Bagi Akaun Amanah (*Trust Account*) pula, ia akan digabungkan mengikut nama pemegang utama akaun. Perkhidmatan ini tidak ditawarkan bagi jenis Akaun Bersama (*Joint Account*).

Encik Mohd Muazzam Mohamed berkata, “Sebagai sebuah institusi perbankan patuh Syariah, kami amat prihatin dengan keperluan dan kehendak pelanggan. Kami ingin membantu memudahkan para pelanggan kami khususnya yang beragama Islam dalam menunaikan kewajipan berzakat ke atas wang simpanan dan pelaburan mereka. Kini, para pelanggan yang berdaftar dengan kemudahan ini tidak perlu ke pusat AMZ untuk membayar zakat ke atas akaun simpanan dan pelaburan kerana pembayaran zakat tersebut akan dilakukan oleh pihak Bank Islam secara automatik apabila cukup haul dan nisab, sekaligus mereka akan layak mendapat rebat cukai pendapatan dari Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).”

Inisiatif kedua bagi memperkasakan lagi agenda kewangan sosial Bank Islam dilaksanakan menerusi **Sadaqa House**, sebuah platform pendanaan awam Islamik (*Islamic crowdfunding*) dengan memeterai perjanjian persefahaman dengan dua (2) lagi rakan strategik iaitu **Buku Jalan Chow Kit** dan **Brain For Future**. Bank Islam akan bekerjasama rapat dengan kedua-dua pembuat perubahan (*change-makers*) ini bagi memudahkan penyaluran bantuan dana awam kepada sektor pendidikan modal insan yang terpinggir dan kurang bernasib baik.

“Dengan usaha sama ini, Bank Islam akan dapat terus mengukuhkan inisiatif kewangan sosial melalui platform Sadaqa House dalam memastikan pendidikan berkualiti yang inklusif dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua. Ini juga sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (*United Nations*) iaitu ke arah Pendidikan Berkualiti (*Quality Education*).” ujar Encik Muazzam.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)

---

#### **Mengenai Bank Islam**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 149 cawangan dan lebih daripada 1000 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

<p><b>Wan Norkhairi Wan Samad</b> Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Mobile: 019-339 4491 Faks: 03-2782 2998 Emel: <a href="mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my">wnorkhairi@bankislam.com.my</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com.my">www.bankislam.com.my</a></p>	<p><b>Omar Atin</b> Hubungan Media &amp; Editorial, Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Mobile: 019-391 9144 Faks: 03-2782 2998 Emel: <a href="mailto:omar@bimbholdings.com">omar@bimbholdings.com</a> Web: <a href="http://www.bimbholdings.com">www.bimbholdings.com</a></p>
--	--